



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Rabu, Oktober 05, 2016

CARI

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Pelajar UPM, Angeli menang kali kedua Berend Houwen Travel Award

Oleh Azman Zakaria
Foto oleh Marina Ismail



SERDANG, 30 Sept - Pelajar Sarjana Sains (Haematologi), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Angeli a/p Ambayya @ Ampiah mencipta sejarah tersendiri apabila memenangi anugerah *Berend Houwen Travel Award* untuk dua tahun berturut-turut.

Beliau memenangi anugerah berprestij *Berend Houwen Travel Award* 2016 di Milan, Itali baru-baru ini, selepas memenangi anugerah sama pada 2015 di Chicago, Amerika Syarikat.

Bahkan dua kajiannya memenangi anugerah bagi tahun 2016.

Anugerah itu disampaikan ketika Simposium Antarabangsa mengenai Inovasi Teknologi dalam Hematologi Makmal ke-29 sempena persidangan tahunan International Society of Laboratory Haematology (ISLH) dari 12 hingga 14 Mei lalu.

Angeli, 34, yang kini bertugas sebagai Pegawai Sains di Makmal Rujukan Klinikal Hematologi, Hospital Ampang, adalah antara tujuh orang dari seluruh dunia yang memenangi anugerah berkenaan bagi 2016.

Beliau yang berasal dari Raub, Pahang menerima sijil, plak, wang tunai AS\$3,000 dan pendaftaran percuma untuk mengikuti persidangan itu.

"Saya tidak menjangka akan menang lagi kerana sudah menerima anugerah itu pada 2015. Pada fikiran saya, penganjur akan mencari pemenang lain.

"Saya terkejut apabila menerima emel daripada ISLH yang memaklumkan kemenangan itu," katanya dalam temu bual di sini.



Katanya, beliau menghantar abstrak kajian ketika hampir kepada tarikh tutup penyertaan, dan menghantarnya bukan untuk menang sebaliknya kerana persidangan itu adalah persidangan antarabangsa terbaik berkaitan hematologi.

"Saya tidak menyangka tajuk kajian yang saya pilih untuk pengajian sarjana saya akan mendapat pengiktirafan antarabangsa," katanya sambil mengucapkan penghargaan kepada UPM.

Angeli pernah menghantar abstrak kajian dua kali iaitu pada 2012 dan 2013 kepada ISLH tetapi tidak memenanginya. Hanya pada 2015 beliau memenanginya, sebelum mengulangi pencapaian itu tahun ini.

Beliau mengucapkan penghargaan atas bantuan dan sokongan yang diberikan oleh penyeliaanya Pensyarah Kanan, Jabatan Pathologi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dr Sabariah Md Noor; seorang lagi penyelia Dr Zainina Seman juga Pensyarah Kanan fakulti itu; Ketua Jabatan Hematologi Hospital Ampang, Dato' Dr Chang Kian Meng; Ketua Makmal Hematologi hospital itu, Dr Subramanian Yegappan; serta Pakar Hematologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Dr Lim Soo Min.

Katanya, beliau memenangi anugerah itu melalui dua kajian penyakit leukemia myeloid akut yang bertajuk *Identification of germline and somatic aberrations in acute myeloid leukaemia genome by using customised DNA microarray* dan *Novel genomic aberrations detected with customised DNA microarray in Acute Myeloid Leukaemia (AML) patients with poor survival*.

Kajian itu menggunakan teknik mikroarray dengan kombinasi kaedah Comparative Genomic Hybridization (CGH) dan Single Nucleotide Polymorphism (SNP) membolehkan pengesanan keabnormalan genomik yang berkaitan dengan *copy number alterations (CNAs)* pada resolusi yang lebih tinggi dan membantu *pengesanan copy neutral loss of heterozygosity (CN-LOH)* pada masa yang sama.

Dalam hasil kajian kedua, sebanyak 526 aberasi genomik telah dikesan pada pesakit yang tergolong dalam kumpulan telahan yang tidak memuaskan (*poor overall survival patients*).

Menurutnya, aberasi genomik signifikan dan pertama kali dijumpai (novel) yang dilihat berulang pada pesakit yang tergolong dalam telahan yang kurang memuaskan di kalangan pesakit penyakit leukemia myeloid akut di Malaysia merupakan satu penemuan menarik kerana boleh menjadi *independent predictor of overall survival*. – UPM

